



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - AHAD, 27 JULAI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	DRAF RUU ANTI BULI DIJANGKA DIBENTANG DI PARLIMEN TAK LAMA LAGI		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1424861/draf-ruu-anti-buli-dijangka-dibentang-di-parlimen-tak-lama-lagi	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1245018/draf-ruu-anti-buli-dijangka-dibentang-tidak-lama-lagi?source=widget	HMETRO.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/07/26/nancy-kerajaan-serius-tangani-isu-buli-dan-gangguan-seksual/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	KOLUM LUKA DALAM SENYAP, JAWAPAN DENGAN RAHMAH		NEGATIF
	https://www.malaysiakini.com/columns/750218	MALAYSIAKINI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	BUKA RUANG WANITA MEMIMPIN, AKTIF PELBAGAI SEKTOR		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/buka-ruang-wanita-memimpin-aktif-pelbagai-sektor/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2449628	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/golongan-wanita-di-nsembilan-sentiasa-diberikan-ruang-sebagai-pemimpin-aminuddin-531317	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2449618	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	MODEL BAHARU CIC HIMPUN SEMUA KEPAKARAN BAWAH SATU BUMBUNG		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/model-baharu-cic-himpun-semua-kepakaran-bawah-satu-bumbung	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KES JENAYAH TERHADAP WANITA, KANAK-KANAK DI KEDAH MENINGKAT		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/07/26/kes-jenayah-terhadap-wanita-kanak-kanak-di-kedah-meningkat/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/kes-jenayah-terhadap-wanita-kanak-kanak-di-kedah-meningkat/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-jenayah-babit-kanakkanak-wanita-di-kedah-meningkat-saifuddin-531294	ASTROAWANI.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1245041/kes-jenayah-babit-kanak-kanak-wanita-di-kedah-meningkat	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/740453/berita/nasional/75-peratus-mangsa-jenayah-seksual-bawah-umur---saifuddin	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-jenayah-babit-kanakkanak-wanita-di-kedah-meningkat-saifuddin-531294?utm_source=pulse-microsite&utm_medium=berita-popular-chartbeat&utm_campaign=20250726+Pulse+Berita+Popular	ASTROAWANI.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/26/kedah-sees-sharp-rise-in-crimes-involving-women-children	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	JANGAN TUNDA PERUBAHAN INI, BERI RUANG KEPADA WANITA – REDONAH		POSITIF
	https://sabahmedia.com/2025/07/26/jangan-tunda-perubahan-ini-beri-ruang-kepada-wanita-redonah/	SABAHMEDIA.COM	
	https://wartaoriental.com/2025/07/26/beri-ruang-lantikan-adun-senator-dan-glc-dari-kalangan-wanita-redonah/	WARTAORIENTAL.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



27/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	WANITA BAWA BAYI AMBIL UPAH KEMAS BILIK HOTEL		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/740463/edisi/melaka-ns/wanita-bawa-bayi-ambil-upah-kemas-bilik-hotel	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	BUDAK 6 TAHUN HILANG		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1245115/budak-6-tahun-hilang	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1424974/budak-6-tahun-tishant-munisammy-hilang-sejak-semalam	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/740469/berita/semasa/kanak-kanak-usia-6-tahun-hilang-di-kopitiam	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/am/news.php?id=2449688	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/07/26/kanak-kanak-enam-tahun-hilang/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=5d8mwQBec_w	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BENTANG RUU ATASI ISU BELI SELEPAS KAJIAN DIMUKTAMAD

HARI : AHAD

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

TARIKH : 27 JUL 2025

M/SURAT : 14

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Bentang RUU atasi isu buli selepas kajian dimuktamad

Lundu: Rang Undang-Undang (RUU) khusus untuk menangani isu buli akan dibentangkan di Dewan Rakyat, selepas kajian teliti mengenainya dimuktamadkan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri, berkata ketika ini draf RUU itu sedang diperhalusi Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan dijangka lengkap dalam masa terdekat.

Beliau berkata, apabila selesai di peringkat kajian BHEUU, draf berkenaan akan dikemukakan kepada Peguam Negara bagi mendapat kelulusan untuk dibentangkan di Parlimen.

"Hasrat untuk membuat undang-undang ini (Akta Anti Buli) sudah dikemukakan dalam dua mesyuarat Kabinet yang lepas, termasuk terbaharu, semalam.

"Kita (Kabinet) memang sudah mengambil tindakan (untuk menangani isu buli) dengan menyediakan draf undang-undang khu-

sus, cuma ia belum dimuktamadkan," katanya ketika ditemui pada Pesta Sematan, di sini, semalam.

Nancy berkata, walaupun tidak terbabit sepenuhnya dalam menyediakan draf RUU itu, kementerannya turut memberi input, terutama perkara berkaitan kanak-kanak atau pelajar yang menjadi mangsa buli.

"Satu lagi mesyuarat berkaitan RUU itu akan diadakan pada 29 Julai ini dan KPWK akan terus membantu walaupun ia di bawah tanggungjawab BHEUU serta polis," katanya.

Nancy berkata, isu buli membabitkan kanak-kanak dan pelajar kini semakin membimbangkan, termasuk kes membabitkan kematian pelajar berusia 13 tahun, Zara Qairina Mahathir di Sabah, baru-baru ini.

"Kes itu memang amat menyedihkan (sehingga menyebabkan kematian) dan bukan satu-satunya kes buli membabitkan kanak-kanak.

"Sebab itu, saya selalu tekan-



Nancy melihat hasil tangkapan peserta pertandingan memancing sempena Pesta Sematan di Lundu, semalam.
(Foto Mohd Roji Kawi/BH)

kan agar didikan terhadap sikap anak harus bermula di rumah dan sekolah pula mesti tahu bagaimana nak mengendalikan isu seperti ini," katanya sambil menegaskan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sabah menawarkan khidmat kaunseling untuk membantu meredakan tekanan keluarga mangsa.

Semalam, media melaporkan

satu lagi kes buli berlaku dan kali ini membabitkan Maktab Rendah Sains MARA (MRSMA) di Melaka.

Kejadian itu didedahkan oleh Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki yang turut memaklumkan, enam pelajar Tingkatan Lima terbabit dalam insiden itu sudah digantung dan dicadang untuk dibuang.


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Draf RUU Anti Buli dijangka dibentang di Parlimen tak lama lagi

Oleh Mohd Roji Kawi - Julai 26, 2025 @ 1:52pm



Datuk Seri Nancy Shukri melihat ikan yang diperolehi peserta pertandingan memancing sempena Pesta Sematan di Lundu, Sarawak hari ini. - Foto NSTP/Mohd Roji Kawi

LUNDU: Rang Undang-Undang (RUU) khusus untuk menangani isu buli akan dibentangkan di Dewan Rakyat selepas kajian teliti mengenainya dimuktamadkan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) Datuk Seri Nancy Shukri berkata ketika ini draf RUU berkenaan sedang diperhalusi oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan dijangka lengkap dalam masa terdekat.

Apabila selesai di peringkat kajian BHEUU, draf berkenaan akan dikemukakan kepada Peguam Negara bagi mendapat kelulusan untuk dibentangkan di Parlimen.

"Hasrat untuk membuat undang-undang ini (Akta Anti Buli) sudah dikemukakan dalam dua mesyuarat Kabinet yang lepas termasuk yang terbaharu, semalam.

"Kita (Kabinet) memang sudah mengambil tindakan (untuk menangani isu buli) dengan menyediakan draf undang-undang khusus, cuma ia belum dimuktamadkan," katanya ditemui pada Pesta Sematan, hari ini.

Nancy berkata, walaupun kementerannya tidak terbabit sepenuhnya dalam menyediakan draf RUU itu, pihaknya turut memberi input terutama perkara berkaitan kanak-kanak atau pelajar yang menjadi mangsa buli.

"Satu lagi mesyuarat berkaitan RUU itu akan diadakan pada 29 Julai ini dan KPWK akan terus membantu walaupun ia di bawah tanggungjawab BHEUU serta polis," katanya.

Nancy berkata, isu buli membabitkan kanak-kanak dan pelajar sekolah kini semakin membimbangkan termasuk kes membabitkan kematian pelajar berusia 13 tahun, Zara Qairina Mahathir di Sabah, baru-baru ini.

"Kes itu memang menyedihkan (sehingga menyebabkan kematian) dan ia bukan satu-satunya kes buli membabitkan kanak-kanak.

"Sebab itu, saya selalu tekankan agar didikan terhadap sikap anak-anak ini harus bermula di rumah dan di sekolah pula harus tahu bagaimana pihak sekolah mengendalikan isu seperti ini," katanya sambil menegaskan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sabah menawarkan khidmat kaunseling untuk membantu meredakan tekanan keluarga mangsa.

Hari ini, media melaporkan satu lagi kes buli berlaku dan kali ini membabitkan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di Melaka.

Kejadian itu didedahkan oleh Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki yang turut memaklumkan, enam pelajar Tingkatan 5 terbabit dalam insiden itu sudah digantung dan dicadang untuk dibuang.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KOLUM | Luka dalam senyap, jawapan dengan rahmah



Atriza Umar
Diterbitkan: Jul 28, 2025 10:00 AM - Diemaskini: 10:00 AM

Secara jelasnya, keganasan rumah tangga merangkumi penderaan fizikal, emosi, seksual, ekonomi dan psikologi oleh pasangan atau ahli keluarga. Ia tidak terhad kepada wanita sahaja, lelaki, warga emas dan kanak-kanak turut menjadi mangsa.

Pada 16 Julai 2025, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Noraini Ahmad mendedahkan bahawa sebanyak 2,467 kes keganasan rumah tangga telah direkodkan hanya dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Statistik ini bukan hanya angka, tetapi ia adalah cerminan retaknya institusi kekeluargaan, pelanggaran maruah, serta jeritan dalam diam dari mangsa yang terperangkap antara rasa takut, malu dan terikat.

Dalam masyarakat yang mendakwa bertamadun, fenomena ini adalah tamparan terhadap nilai kemanusiaan dan asas keadilan. Lebih menyayat hati apabila ia berlaku dalam rumah sendiri, yang mana, tempat yang sepatutnya menjadi perlindungan, bukan penindasan.

Barangkali, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi tragedi itu terjadi. Boleh jadi ia adalah sesuatu yang telah 'bertakung' lama dalam diri seseorang yang melakukan itu atau ia sendiri pernah melalui situasi sebegini. Boleh jadi, antara lainnya ialah:

i. Kejahilan agama dan kekeliruan kuasa Ramai pelaku keganasan menggunakan 'kuasa' sebagai suami atau ketua keluarga untuk menghalalkan kekerasan. Hakikatnya, mereka gagal memahami maksud *qawwam* (pemimpin) dalam Islam yang menuntut tanggungjawab, bukan sebagai mendominasi.

ii. Kitaran trauma dan ketagihan kuasa Sebahagian pelaku merupakan mangsa pada masa kecil. Mereka mengulangi corak keganasan kerana tidak pernah dibantu menyembuhkan luka batin.

iii. Masalah kewangan dan tekanan sosial Tekanan ekonomi, pengangguran, dan hutang menimbulkan ledakan emosi yang akhirnya dilepaskan kepada pasangan atau anak-anak.

iv. Ketagihan dadah dan alkohol Menurut laporan KPWKM, lebih 30 peratus kes keganasan rumah tangga berkait dengan penyalahgunaan bahan terlarang.

v. Ketidakeimbangan gender dan patriarki berlebihan

Sebahagian masyarakat masih membenarkan dominasi lelaki secara membuta tuli. Wanita dianggap hamba yang wajib patuh tanpa soal.

Solusi berasaskan maqasid syariah

Maqasid Syariah menetapkan lima objektif utama dalam pelaksanaan syariat: menjaga agama (*din*), nyawa (*nafs*), akal ('*aqil*), keturunan (*nasl*) dan harta (*mal*). Keganasan rumah tangga jelas melanggar kesemua lima maqasid ini.

Islam sangat melarang sebarang bentuk kekerasan yang mencederakan. Firman Allah:

"Dan janganlah kamu membunuh diri kamu; sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepada kamu." (Surah al-Nisa': 29)

Pelaku yang mencederakan pasangan secara fizikal telah melanggar maqasid menjaga nyawa. Bahkan, Nabi SAW telah bersabda:

"Seorang mukmin tidak boleh memukul isteri sebagaimana memukul hamba kemudian menggaulinya pada malam hari." (Riwayat al-Bukhari & Muslim)

Begitu juga, dengan menjaga maruah dan keturunan. Keluarga adalah tempat mendidik keturunan. Keganasan rumah tangga membunuh kasih sayang, menyuburkan dendam, dan mewariskan trauma.

Mangsa penderaan sering mengalami tekanan mental yang mengganggu keupayaan kognitif. Islam menuntut kita memelihara akal melalui kesejahteraan emosi, bukan menzalimi hingga hilang kewarasan.

Justeru, keganasan yang berlaku atas nama agama mencemarkan agama itu sendiri. Syariat bukan alat kezaliman, tetapi penawar rahmah.

Modul Aisar sebagai jalan pemulihan

Modul Aisar (Asas Islam Rahmah) yang dibangunkan oleh Jabatan Pendidikan Masyarakat Ikram mengetengahkan prinsip rahmah (kasih sayang), hikmah (kebijaksanaan), dan adil (keseimbangan) dalam beragama. Ia sangat sesuai menjadi rujukan untuk menangani isu ini.

Mendidik, Bukan Menghukum, itulah yang seharusnya diterapkan. Aisar menekankan pendidikan berterusan kepada masyarakat bukan hanya hukum dan larangan. Pendidikan tentang hak wanita, tanggungjawab suami, dan etika komunikasi dalam rumah tangga mesti diperluaskan.

Dengan prinsip wasatiyyah, Aisar menolak pendekatan keras dan ekstrem. Pendidikan pra-perkahwinan yang memasukkan elemen empati, komunikasi, dan pengurusan konflik patut dijadikan modul wajib sebagai pencegahan awal melalui Fikah Masyarakat.

Selain itu, pemulihan mangsa dan pelaku boleh dibantu dan diselamatkan melalui pendekatan rohani seperti zikir, refleksi ayat-ayat Quran, juga kaunseling. Islam bukan sekadar hukum, tetapi juga menyembuhkan jiwa.

Rahmah sebagai jalan pulang

Sistem sosial Islam bukan hanya ritual, tetapi rangka kerja kehidupan yang menjunjung keadilan, kasih sayang dan penjagaan insan. Keganasan rumah tangga bukan masalah individu, tetapi gejala keruntuhan nilai.

Ia perlu ditangani secara sistemik dengan pelbagai cara, antaranya melalui pendidikan, dasar, dan gerakan sosial yang berusaha menyentuh hati manusia.

Sebagaimana Rasulullah SAW menegaskan:

"Orang yang paling baik antara kamu adalah yang paling baik terhadap isterinya." (Riwayat al-Tirmizi)

Kita perlu membina semula masyarakat dengan roh rahmah bukan sekadar membanteras keganasan tetapi menghidupkan kembali budaya ihsan dalam rumah tangga. Dengan pendekatan Maqasid Syariah dan modul Aisar, kita tidak sekadar menyelesaikan masalah, tetapi mengangkat maruah keluarga sebagai asas peradaban Islam yang sebenar.

Sedarlah kita bahawa tiada rumah yang terlalu gelap untuk diterangi, tiada luka yang terlalu dalam untuk disembuhkan. Namun syariatnya, kita seharusnya sebarkan ilmu melalui pendidikan agar masyarakat dididik serta berpengetahuan. Seterusnya, berperanan tegas dan jelas, memilih jalan rahmah, bukan menyembunyikan derita dalam diam.

ATRIZA UMAR bergiat dalam Pertubuhan Agenda Wanita Malaysia (Agenda).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Buka ruang wanita memimpin, aktif pelbagai sektor



AMINUDDIN Harun (dua dari kanan) merasmikan Majlis Pelancaran Wanita Madani (Wadani) Negeri Sembilan (WADANI) di Seremban hari ini.

Oleh NUR SHARIEZA ISMAIL 26 Julai 2025, 6:01 pm

SEREMBAN : Golongan wanita perlu diberi ruang luas untuk tampil memimpin dan menyumbang secara aktif dalam pelbagai peringkat.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, kerjaan negeri membuka ruang itu seluas-luasnya bermula dari peringkat kampung sehinggalah ke pentadbiran negeri.

Katanya, latihan, pendedahan dan peluang perlu diberi agar suara wanita terus menjadi suara rakyat terutamanya dalam isu pendidikan, kesihatan, perumahan dan alam sekitar.

"Wanita Madani Kebangsaan (Wadani) yang dilancarkan hari ini tidak boleh sekadar menjadi inisiatif atas kertas.

"Ia mesti berfungsi sebagai platform pemerkasaan sebenar, yang bukan hanya menempatkan wanita sebagai penyokong, tetapi juga sebagai peneraju utama dalam masyarakat.

"Dengan kepimpinan berteraskan empati, ketelusan dan kecekapan, wanita membawa nilai tambah yang unik dalam membentuk dasar dan keputusan yang menyentuh kehidupan seharian rakyat," katanya pada Majlis Pelancaran Wadani Negeri Sembilan (WADANI) di sini, hari ini.

Aminuddin berkata, wanita bukan sekadar pelengkap dalam naratif pembangunan malah pencorak masa depan negeri.

"Negeri Madani ialah negeri yang menjamin hak wanita, menyediakan peluang saksama, melindungi mereka dari diskriminasi dan keganasan serta mengiktiraf mereka sebagai pemegang amanah bersama dalam membina negeri berteraskan nilai dan kemajuan.

"Wanita yang celik isu, aktif menyumbang, berani bersuara dan menjadi pelindung kepada yang tertindas.

"Kita mahu melihat wanita Negeri Sembilan menerajui perubahan sosial, memperkasakan keluarga, memacu ekonomi komuniti dan menjadi benteng moral di tengah-tengah cabaran zaman," katanya. – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Model baharu CIC himpun semua kepakaran bawah satu bumbung

Nasional - Dicipta: 26 Julai 2025 02:00 PM



Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution

ALOR SETAR, 26 Julai -Keperluan sumber manusia, kepakaran, peralatan dan logistik di Pusat Temuduga Kanak-kanak (CIC) di seluruh negara akan ditambah baik.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution berkata model CIC yang akan datang menempatkan semua kepakaran bawah satu bumbung.

Ia termasuk penglibatan beberapa agensi lain seperti Jabatan Pendidikan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana terdapat elemen-elemen yang diperlukan dalam proses siasatan.

"Fungsi corroborative evidence (bukti sokongan) ini sebenarnya dikendalikan oleh CIC. Oleh itu, penting untuk kita beri perhatian terhadap peranan mereka. Bayangkan, mereka sedang mengambil keterangan yang diperakukan mengikut undang-undang sebagai keterangan yang boleh diterima di mahkamah, dan keterangan itu juga boleh membawa kepada sabitan kes.

"Dan semua proses itu akan dibuat secara rakaman dan video rakaman itulah nantinya dipaparkan di mahkamah semasa proses perbicaraan,"katanya kepada pemberita selepas merasmikan CIC Kontinjen Kedah di CIC Perumahan Polis Taman Derga Jaya, di sini.

Selain itu Datuk Seri Saifuddin berkata, penambahbaikan undang-undang sedia ada iaitu Akta Kesalahan Jenayah Seksual Kanak-Kanak 2017 akan diberi perhatian melalui kerjasama di peringkat antarabangsa serta kerjasama antara agensi dan jabatan.

Langkah itu bagi memastikan CIC dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan bagi menangani jenayah seksual melibatkan kanak-kanak. Ketika ini, terdapat 31 CIC di seluruh negara yang mengendalikan lebih 6,000 kes jenayah seksual.

Di Kedah, purata jumlah kes jenayah seksual melibatkan kanak-kanak meningkat kepada 42 kes sebulan dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, berbanding purata 16 kes sebulan tahun lalu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KES JENAYAH BABIT KANAK-KANAK, WANITA MENINGKAT DI KEDAH

HARI : AHAD

AKHBAR : METRO AHAD

TARIKH : 27 JUL 2025

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Kes jenayah babit kanak-kanak, wanita meningkat di Kedah

Alor Setar: Statistik kes jenayah yang membabitkan wanita dan kanak-kanak di Kedah mencatatkan peningkatan apabila purata 42 kes dilaporkan setiap bulan dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Natusion Ismail berkata, berbanding 2024, purata kes membabitkan golongan itu khususnya sebagai mangsa dan saksi yang direkodkan setiap bulan hanya 16 kes.

“Tapi saya yakin, itu hanya merujuk kepada kes yang dilaporkan. Sebab corak jenayah jenis ini juga sering kali data menunjukkan bahawa si pelakunya

itu dalam kalangan yang dikenali mangsa.

“(Dan) Jenayah seksual pula, kalau dari segi mangsanya, kalau kayu ukurnya adalah mereka di bawah 18 tahun, mereka ini (kanak-kanak) mewakili hingga 75 peratus daripada keseluruhan kes yang dilaporkan setiap tahun,” katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas Majlis Perasmian Pusat Temuduga Kanak-kanak (CIC) Kontinjen Kedah di sini, semalam yang turut dihadiri Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) Datuk Awang Alik Jeman.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : CRIMES INVOLVING WOMEN, KIDS RISE IN KEDAH

HARI : AHAD

AKHBAR : SUNDAY STAR

TARIKH : 27 JUL 2025

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Crimes involving women, kids rise in Kedah

ALOR SETAR: Crimes involving women and children in Kedah have surged, averaging 42 cases a month in the first half of 2025, compared with an average of 16 cases monthly last year, says Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (*pic*).



He said sexual crimes were particularly alarming, with children under 18 making up 75% of reported victims, Bernama reported.

"These figures only reflect reported cases. In many of these incidents, the perpetrators are people known to the victims," he said after launching the Kedah Contingent Children Interview Centre (CIC) here yesterday.

Saifuddin Nasution said the CIC plays a critical role in building corroborative evidence when children are victims or witnesses, noting that its work requires officers with psychological and counselling expertise.

"The CIC's expertise comes from police officers with psychology backgrounds and professional qualifications. This group must have counselling, psychological and trauma management skills."

The minister said there are 31 CICs nationwide, including two in Kedah, fully supported by the ministry.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : KES JENAYAH BABIT KANAK-KANAK, WANITA DI KEDAH MENINGKAT: SAIFUDDIN NASUTION

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 27 JUL 2025

M/SURAT : 14

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Kes jenayah babit kanak-kanak, wanita di Kedah meningkat: Saifuddin Nasution

ALOR SETAR: Statistik kes jenayah yang membabitkan wanita dan kanak-kanak di Kedah mencatatkan peningkatan apabila purata 42 kes dilaporkan setiap bulan dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata berbanding 2024, purata kes melibatkan golongan itu khususnya sebagai mangsa dan saksi yang direkodkan setiap bulan hanya 16 kes.

"Tapi saya yakin, itu hanya merujuk kepada kes yang dilaporkan. Sebab corak jenayah jenis ini juga sering kali data menunjukkan bahawa si pelakunya itu dalam kalangan yang dikenali mangsa."

"(Dan) Jenayah seksual pula, kalau dari segi mangsanya, kalau kayu ukurnya

adalah mereka di bawah 18 tahun, mereka ini (kanak-kanak) mewakili hingga 75 peratus daripada keseluruhan kes yang dilaporkan setiap tahun," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas Majlis Perasmian Pusat Temuduga Kanak-kanak (CIC) Kontinjen Kedah di sini semalam, yang turut dihadiri Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Ayob Khan Mydin Pitchay dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) Datuk Awang Alik Jeman.

Saifuddin Nasution berkata, jika kes jenayah melibatkan kanak-kanak sebagai saksi, misalnya cabaran terbesar kepada siasatan polis adalah untuk membina bukti.

"Selain daripada pegawai penyiasat membuka kertas siasatan, komponen siasatan

itu mesti dilengkapi dengan corroborative evidence (keterangan menyokong). Jadi fungsi corroborative evidence itu yang dikendalikan oleh CIC," katanya.

Tugas di CIC dianggap unik kerana ia berbeza dengan proses penyiasatan yang lazim dilakukan oleh pihak polis terhadap kes-kes lain.

"Kepakaran yang ada pada CIC ini ialah kepakaran pegawai polis kita yang berlatarbelakangkan cabang psikologi dan kelulusan profesional lain yang sejenis. Kelompok ini kena ada kemahiran kaunseling, psikologis, trauma dan sebagainya."

"Di seluruh negara buat masa ini kita mempunyai 31 CIC dan di Kedah ini satu daripada dua yang kita sudah wujudkan dan semakin masa bergerak, CIC membina



PERASMIAN: Saifuddin Nasution (empat kiri) menyempurnakan perasmian Pusat Temuduga Kanak-Kanak Kontinjen Kedah di Taman Perumahan Polis, Alor Setar semalam. Turut sama Ayob Khan dan Awang Alik. — Gambar Bernama

kepakaran serta membentuk kompetensi mereka sendiri," katanya.

KDN akan sentiasa melihat keperluan dan menyokong

penyempurnaan CIC kerana ia satu unit atau bahagian yang sangat penting dalam menangani kes jenayah melibatkan kanak-kanak. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Saifuddin pada Majlis Perasmian Pusat Temuduga Kanak-kanak (CIC) Polis Diraja Malaysia di Derga, Alor Setar hari ini.

Kes jenayah terhadap wanita, kanak-kanak di Kedah meningkat

Oleh JAMLIHAH ABDULLAH 26 Julai 2025, 3:35 pm

ALOR SETAR – Kedah merekodkan peningkatan dalam purata kes jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak iaitu sebanyak 42 kes sebulan dalam tempoh enam bulan tahun ini berbanding 16 kes pada tahun lepas.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, peningkatan itu membimbangkan apatah lagi kebanyakan kes membabitkan mangsa yang mengenali pelaku.

“Tapi saya yakin, itu hanya merujuk kepada kes yang dilaporkan sebab corak jenayah jenis ini juga sering kali data menunjukkan bahawa si pelakunya itu adalah dalam kalangan yang dikenali mangsa.

“Jenayah seksual pula, kalau dari segi mangsanya, kalau kayu ukurnya adalah mereka di bawah 18 tahun, mereka ini (kanak-kanak) mewakili sehingga 75 peratus daripada keseluruhan kes yang dilaporkan setiap tahun,” katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Pusat Temuduga Kanak-kanak (CIC) Kontinjen Kedah di Derga dekat sini hari ini.

Saifuddin Nasution berkata, kes jenayah melibatkan kanak-kanak sebagai saksi cabaran terbesar kepada siasatan polis adalah untuk mengumpul dan membina bukti.

“Selain daripada pegawai penyiasat membuka kertas siasatan, komponen siasatan itu mesti dilengkapi dengan corroborative evidence. Jadi fungsi ‘corroborative evidence’ itu adalah fungsi yang dikendalikan oleh CIC inilah,” katanya.

Beliau berkata, tugas di CIC dianggap unik kerana ia berbeza dengan proses penyiasatan yang biasa dilakukan oleh pihak polis terhadap kes-kes lain. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jangan tunda perubahan ini, beri ruang kepada wanita – Redonah

By editor03 July 26, 2025



Redonah semasa menyampaikan ucapan dasar pada persidangan itu. - Foto Sabah Media / Aleuter Rosalia

KOTA KINABALU: Ketua Pergerakan Wanita Parti Gagasan Rakyat Sabah (Gagasan Rakyat), Datuk Redonah Bahanda menegaskan sudah tiba masanya wanita diberikan ruang yang lebih luas dalam politik dan pentadbiran negeri, termasuk menjadi ejen penyampai bantuan kerajaan secara langsung kepada rakyat.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Persidangan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda, Wanita dan Beliawanis Parti Gagasan Rakyat Sabah 2025 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), di sini, hari ini.

"Wanita bukan lagi sekadar perayu undi atau penyokong di belakang. Kita juga adalah pemimpin generasi ini yang bersedia membentuk dasar, membuat keputusan dan membawa Sabah ke tahap yang lebih tinggi.

"Jangan tunda perubahan ini. Masa depan tidak boleh kita tunggu lagi. Ia mesti dimulakan sekarang," katanya di hadapan lebih 1,000 perwakilan parti yang hadir pada persidangan itu.

Redonah turut menyuarakan tiga harapan utama daripada sayap Wanita, Beliawanis dan Pemuda parti, iaitu penambahan calon wanita dan pemuda dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) yang akan datang, peluang latihan kepimpinan termasuk lantikan sebagai senator, serta peranan rasmi sebagai ejen penyampai bantuan kerajaan dalam hal ehwal wanita, belia dan masyarakat.

Katanya, perkara itu penting bagi memperkasakan peranan golongan wanita dan belia yang selama ini sentiasa turun padang dan menyantuni rakyat sejak awal penubuhan parti.

Dalam ucapannya, beliau turut merakamkan penghargaan kepada kepimpinan parti dan kerajaan negeri atas pelaksanaan pelbagai program yang memberi impak besar kepada pembangunan wanita dan belia, termasuk peruntukan melebihi RM21 juta menerusi agensi seperti Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JheWA), Yayasan Usaha Maju (YUM) dan Sabah Credit Corporation.

Katanya, pelaksanaan program seperti Ziarah Sayang sejak tahun 2023 membuktikan jentera wanita, belia dan pemuda Gagasan Rakyat sentiasa berperanan aktif di akar umbi termasuk mendekati mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Beliau menegaskan bahawa Pilihan Raya Negeri ke-17 bakal menjadi penentu masa depan Sabah dan menyeru seluruh jentera parti untuk bersiap siaga menghadapi kemungkinan ia diadakan pada bila-bila masa.

"Persidangan ini bukan sekadar pertemuan tahunan, tetapi medan menyusun strategi menghadapi PRN. Kita mesti bangkit dengan satu hati, satu suara dan satu tekad.

"Pergerakan Wanita harus mendekati keluarga dan masyarakat, manakala Pemuda menjadi jambatan kepercayaan generasi muda. Kita bukan hanya tulang belakang parti, tetapi barisan hadapan dalam perjuangan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita bawa bayi ambil upah kemas bilik hotel



NOR FARHANA YAACOB [Follow](#)

26 Julai 2025 06:07pm



Dua anaknya termasuk bayi berusia lebih dua bulan berada di dalam bilik hotel yang sedang dikemas oleh Siti Hajar.

MELAKA- Seorang pekerja am wanita di sebuah hotel membuktikan anak bukan alasan untuk dia bekerja bagi meringankan beban suaminya yang merupakan seorang tentera di kem Sungai Udang Melaka.

Situasi tersebut bagaimanapun difahami oleh majikannya, sekali gus memberikan kebenaran kepada Siti Hajar Abu Bakar, 31, untuk membawa anaknya yang berusia lebih dua bulan itu ke tempat kerja.

Siti Hajar yang turut mengambil peluang bekerja sambil sebagai pengemas bilik berkata, sikap prihatin majikannya yang memahami situasinya sejak bekerja di Hotel Doris Kota Laksamana sejak setahun lalu itu membuatkan dirinya terharu.

Menurutnya, niatnya berkongsi aktiviti mengemas bilik dengan membawa anak-anak ke tempat kerja di Tiktok supaya orang ramai dapat datang memberikan sokongan kepada hotel itu dengan harapan kehadiran pelanggan itu membolehkannya terus mengambil upah RM17 bagi setiap bilik yang dibersihkan.

Katanya, meskipun berbeza bangsa namun pemilik hotel itu tetap membenarkannya membawa anak-anak ketika bekerja.

"Sebenarnya saya berkongsi video-video membawa anak ke tempat kerja supaya orang ramai dapat beri sokongan pada hotel tempat saya bekerja.

"Walaupun mungkin anak-anak kurang selesa namun sekurang-kurangnya saya lega dapat lihat mereka di depan mata," katanya ketika dihubungi Sinar Harian di sini pada Sabtu.

Dia yang turut mempunyai seorang anak orang kurang upaya (OKU) kategori lembam berusia 13 tahun berharap kisahnya itu dilihat dari sudut positif, sekali gus menjadi simbol harapan kepada golongan wanita yang sering berdepan dilema antara kerjaya dan tanggungjawab sebagai ibu.

Ujarnya, sejak memuat naik beberapa video di media sosial berkenaan ramai yang memberikan sokongan dan menyifatkan pendekatan ditunjukkan oleh Hotel Doris itu sebagai contoh terbaik kepada majikan lain dalam menyokong keseimbangan kerja dan keluarga.

Sementara itu, pengurus hotel itu yang mahu dikenali sebagai Tan berkata, bukan mudah untuk mendapat pekerja yang mampu memberikan komitmen kerja seperti wanita tersebut kerana kebanyakannya tidak mampu bertahan lama.

"Walaupun dia bawa anak tapi dia boleh bekerja dengan baik kita tiada masalah," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Budak 6 tahun hilang

Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my



TISHANT dilaporkan hilang di kawasan Taman Bukit Indah, di sini, awal pagi tadi. FOTO Ihsan Bomba.

Iskandar Puteri: Kanak-kanak lelaki berusia enam tahun dilaporkan hilang di kawasan Taman Bukit Indah, di sini, awal pagi tadi.

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner M Kumarasan, berkata pihaknya menerima aduan berhubung kejadian itu pada jam 2.15 pagi daripada bapa kanak-kanak lelaki berkenaan yang berusia 36 tahun.

"Pengadu memaklumkan kehilangan anaknya di kawasan Taman Bukit Indah pada awal pagi tadi.

"Mangsa dikenali sebagai Tishant A/L Munisammy, berbangsa India, warga tempatan dan berusia enam tahun.

"Kanak-kanak itu mempunyai ketinggian kira-kira 110 sentimeter dan berat 19 kilogram, berkulit hitam manis serta berhidung mancung.

"Lokasi terakhir mangsa dilaporkan berada ialah di Kopitiam Tiong Nam, Bukit Indah," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kehilangan kanak-kanak tersebut diminta tampil ke balai polis berhampiran.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat juga boleh menghubungi Pegawai Penyiasat, Inspektor Komaty Ellappan di talian 010-3812804, atau menghubungi Pusat Kawalan Daerah Iskandar Puteri di talian 07-5113622 atau Hotline 07-5114486," katanya.